



KENYATAAN MEDIA

DATO' NOORIZAH ABD HAMID DILANTIK SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGARAH MRT CORP

Kuala Lumpur, 17 Ogos 2017: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengumumkan pelantikan Dato' Noorizah Abd Hamid sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Dato' Sri Shahril Mokhtar berkata Dato' Noorizah, yang sebelum ini menerajui PLUS Malaysia Bhd dan Faber Group Berhad, akan menyumbangkan pengalaman dan pengetahuan luas beliau terutamanya dalam bidang pembangunan infrastruktur kepada MRT Corp.

"Latar belakang dan pengalaman Noorizah amat bernilai sejajar dengan MRT Corp bergerak maju ke hadapan dalam membangunkan rangkaian MRT untuk Lembah Klang," katanya.

Sebelum ini Noorizah adalah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PLUS Malaysia Berhad dari 2007 hingga 2017 yang mana beliau terlibat dalam rundingan dan pemerolehan beberapa projek lebuh raya seperti Lebuh raya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua) dan Lebuh raya Butterworth-Kulim serta lebuh raya di Indonesia dan India.

Beliau juga terlibat dalam penswastan PLUS Expressway Bhd, rundingan dengan pihak kerajaan dalam mengkaji semula perjanjian konsesi syarikat dan juga menaikkan RM309.6 bilion daripada sukuk - terbitan bon Islam terbesar di dunia - dalam penstrukturan semula syarikat.

Noorizah juga merupakan Pengarah Urusan Faber Group Berhad dan Faber Hotels Holdings Berhad dari tahun 1999 hingga 2007 di mana beliau menyelia keseluruhan pengurusan syarikat. Semasa beliau berkhidmat di Faber, tugas utama beliau adalah menjalankan penyusunan semula kewangan syarikat yang tidak memberangsangkan.

Jawatan kanan lain yang telah dipegangnya termasuklah Pengurus Besar Kanan Kewangan Projek Lebuh raya Utara Selatan Berhad, Pengurus Kanan Hatibudi Management Sdn Bhd, Pengurus Kewangan Korporat Renong Berhad, dan Pegawai Kewangan Kanan Korporat Permodalan Nasional Berhad.

Noorizah memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan & Pengurusan) dari University of Central Michigan, Amerika Syarikat. Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana



Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari universiti yang sama, dan Diploma Perakaunan dari Institut Teknologi MARA.

-end/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Leong Shen-li

[012-3196602](tel:012-3196602)/leong.shen-li@mymrt.com.my